



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk siaran segera
21 Disember 2023**

JUMLAH PENGAGIHAN PENDAPATAN ASB LEBIH BAIK PADA KADAR 5.25 SEN

- Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), mengumumkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak 5.25 sen seunit, untuk dana utamanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB), bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.
- Jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM9.3 bilion akan memanfaatkan 10.8 juta pemegang unit ASB.
- ASB memberikan pengagihan pendapatan kompetitif, mengatasi penanda arasnya iaitu kadar Deposit Tetap 12 bulan Maybank yang mencatatkan kadar purata sebanyak 2.85% sepanjang tahun ini.

KUALA LUMPUR, 21 Disember 2023: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak 5.25 sen seunit untuk dana utamanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 (TK2023).

Jumlah tersebut terdiri daripada pengagihan pendapatan sebanyak 4.25 sen seunit dan bonus 1.00 sen seunit. Jumlah keseluruhan pengagihan pendapatan sebanyak RM9.3 bilion ini akan memanfaatkan 10.8 juta pemegang unit ASB.

ASB terus memberikan pengagihan pendapatan yang kompetitif, mengatasi penanda arasnya iaitu kadar Deposit Tetap 12 bulan Maybank. Bilangan akaun ASB meningkat lebih daripada 200,000 kepada 10.8 juta akaun, menunjukkan keyakinan berterusan terhadap ASB sebagai instrumen simpanan dan pelaburan penting bagi golongan Bumiputera dalam perancangan kewangan mereka.

Pasaran Malaysia pada tahun 2023 telah menunjukkan daya tahan dan menyesuaikan dengan baik di tengah-tengah ketegangan geopolitik global dan ketidakpastian ekonomi. Walaupun berhadapan dengan cabaran termasuk kenaikan kadar faedah dan tekanan inflasi, ekonomi dan pasaran modal Malaysia menunjukkan keupayaannya untuk mengharungi cabaran ini.

Menurut Kementerian Kewangan, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang 4.0% pada tahun 2023, dengan sokongan berterusan penggunaan domestik yang kukuh, perbelanjaan infrastruktur serta pemulihan dalam sektor pelancongan.

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 3.3% pada suku ketiga 2023 (Q3 2023), berbanding 2.9% pada Q2 2023 (Q1 2023: 5.9%). Namun begitu, pasaran modal tidak terlindung daripada trend makro global, khususnya kenaikan kadar faedah. Setakat 15 Disember 2023, FBM KLCI telah merosot 2.2%.

Pengerusi Kumpulan PNB, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, “Di sebalik keadaan pasaran yang sentiasa berubah-ubah, PNB telah secara konsisten memberikan pulangan yang kompetitif melalui dana harga tetap kami, yang kesemuanya telah mengatasi penanda aras mereka selama ini. Oleh itu, orang ramai digalakkan agar terus menyimpan untuk jangka masa panjang dan masa depan yang terjamin. Kami mengiktiraf kepentingan memperjuangkan agenda celik kewangan dan berpandukan matlamat kami yang diperbaharui baru-baru ini – ‘Untuk Mengukuh Kedudukan Kewangan Rakyat Malaysia, Merentas Generasi’, kami komited untuk berkhidmat kepada pemegang unit kami dan memberikan hasil yang kompetitif.”

“Tahun ini, kami menyaksikan peningkatan dalam bilangan akaun kepada 15.6 juta setakat Oktober 2023 (daripada 15.2 juta tahun lepas). Populariti berterusan produk unit amanah kami terbukti melalui kajian daripada *2023 RinggitPlus Malaysian Financial Literacy Survey (RMFLS)* dengan produk ASNB mengekalkan kedudukan mereka sebagai pilihan pelaburan paling popular,” tambah beliau.

Dalam perkembangan korporatnya, tahun 2023 merupakan tahun yang penuh peristiwa bagi PNB. Transaksi utama ialah penggabungan UMW Holdings Berhad dan Sime Darby Berhad, yang mengukuhkan kedudukan Kumpulan dalam sektor automotif domestik dan serantau. Perkembangan lain termasuk penggabungan Malaysia Building Society Berhad (MBSB) dan Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), serta pemeteraian perjanjian jual beli dan pajakan balik RM2 bilion bersama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP], dengan Osram Opto Semiconductors Sdn Bhd untuk kemudahan pembuatannya di Kulim Hi-tech Park, Kedah. Perjanjian penting itu adalah selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn berkata, “ASB telah mencatatkan prestasi yang kukuh, hasil daripada perumpukan aset dan strategi kepelbagaian kami. Beberapa urusan niaga penting telah dilaksanakan untuk meningkatkan nilai bagi pemegang unit. ASB

terus menjadi pelaburan pilihan jutaan masyarakat Bumiputera dan terus memberikan pulangan yang konsisten, membentuk sebahagian daripada pelan simpanan untuk lebih 10.8 juta pelanggan.”

Tahun ini juga menyaksikan pelancaran Superapp myASNB yang diperbaharui untuk menyediakan perjalanan dan pengalaman pelanggan yang dipertingkatkan kepada pemegang unit, serta Laporan Tahunan Bersepadu (IAR) sulung PNB, yang menerapkan kemampanan dalam rangka kerja pelaporan Kumpulan bagi meningkatkan standard dan ketelusan pelaporannya, selaras dengan amalan terbaik global. Sementara itu, susulan pelancaran dana ASN Sukuk pada November 2022, PNB menyaksikan permintaan yang sihat daripada pemegang unit dengan lebih daripada 1 bilion unit terjual sejak pelancaran.

“PNB terus menunjukkan daya tahannya dalam mengharungi ketidaktentuan 2023. Seiring melangkah ke tahun baharu dan melakarkan peluang baharu, kami akan meneruskan strategi pelaburan kami dan kekal teguh dalam komitmen untuk menyampaikan mandat kami,” kata Ahmad Zulqarnain.

Melangkah ke 2024, PNB akan terus menyokong agenda inovasi dan mengutamakan pendigitalan untuk menambahbaik pengalaman pemegang unit, sambil memastikan Kumpulan berada di landasan yang betul dalam mencapai 10 Komitmen ESG (Alam Sekitar, Sosial, & Tadbir Urus). PNB juga akan lebih aktif dalam memperjuangkan agenda celik kewangan untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Antara inisiatif itu termasuk menawarkan Auto Labur, sebuah fungsi pelaburan berulang pada aplikasi myASNB, untuk meningkatkan tabiat menyimpan dan memperkenalkan ASNB Academy, sebuah instrumen celik kewangan yang boleh diakses oleh semua rakyat Malaysia dengan fungsi sebagai hab pengetahuan dan pusat rujukan mengenai pelaburan serta perancangan kewangan.

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASB adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan dana tersebut. Unit-unit yang dilaburkan semula daripada pengagihan pendapatan akan dikreditkan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Januari 2024.

Urus niaga ASB di semua cawangan dan ejen ASNB, termasuk semua platform digital dan perbankan internet, akan ditangguhkan buat sementara waktu dari 22 hingga 25 Disember 2022. Satu ciri khas diperkenalkan pada tahun ini bagi menggalakkan rakyat Malaysia terus menyimpan, yang membolehkan transaksi pelaburan tunai tambahan dalam ASB bermula 26 Disember 2023. Urus niaga pelaburan ini akan diambil kira untuk baki minimum bulanan pada Januari 2024, membolehkan pemegang unit menikmati pengiraan penuh pengagihan pendapatan mulai Januari

2024. Pemegang unit boleh melakukan semula urus niaga di semua platform digital dan perbankan internet bermula 1 Januari 2024, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara bermula 2 Januari 2024.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampuan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 17 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023
DANA HARGA TETAP



ASB

JUMLAH PENGAGIHAN

5.25

sen seunit

Meliputi Pengagihan Pendapatan 4.25 sen seunit
dan Bonus 1.00 sen seunit

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022 dan Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.


PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023


DANA HARGA TETAP

Mengatasi Pulangan Kadar Deposit Tetap Sebanyak 240 Mata Asas

5.25%



2.85% *



Kadar Purata
Deposit Tetap
12-Bulan

Nota: * Kadar Purata Deposit Tetap 12-Bulan Maybank sehingga November 2023

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022 dan Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.